



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI JOHOR,  
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,  
MENARA TABUNG HAJI,  
JALAN AYER MOLEK,  
80720 JOHOR BAHRU.

Telefon : 07-2249244/2239318  
Faks : 07-2239322  
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj Kami : ANM.JB (A) 70/14 JLD 3(13)  
Tarikh : 03 Februari 2022

## SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) N. JOHOR

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

### PERINGATAN PENYELESAIAN PEMBAYARAN NOTA TERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (GOODS/SERVICISS RECEIVES NOTES (GRN) / FULLFILLMENT RECEIPT NOTES (FRN) KOD AKAUN L1312959 SEHINGGA 31 JANUARI 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 Tatacara Pengurusan Bayaran adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan, Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk menjalankan pemantauan ke atas pengurusan pembayaran di PTJ supaya mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

3. Sehubungan itu, pemantauan dan semakan ke atas Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (GRN/FRN) perlu dilakukan secara harian. Sebarang kesilapan pada GRN hendaklah dikuiiri dan sekiranya memerlukan pembatalan ia perlu dilakukan dengan kadar segera. Adalah diingatkan bahawa **setiap GRN perlu diselesaikan sehingga peringkat pembayaran dalam masa 14 hari dari tarikh GRN (penerimaan barang) dilakukan.**

4. Untuk tujuan pemantauan dan semakan status terkini pesanan kerajaan, **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan)** boleh dijana melalui modul Perolehan sistem iGFMAS. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Akaun Puan Khairus Salwa Binti Mohd Samsury di talian 07-2249244 samb.1061 atau email ke [akaun\\_jhr@anm.gov.my](mailto:akaun_jhr@anm.gov.my)

5. Perhatian dan kerjasama awal pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan berkenaan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

Saya yang menjalankan amanah,

(NIRMALA DEVI A/P THIRUMALAI C.A(M))  
b/p Pengarah Negeri,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Johor